



HARAPAN
RUMAH
BAHARU
» 26



KEMALANGAN
PERGI-BALIK KERJA
MEMBIMBANGKAN...
» 28 & 29



KAHWIN?
TUNGGU DULU...
- SABRINA ALI
» 34

RABU • 17.04.2019

UTUSAN
MALAYSIA

Mega

sains

f mega.utusan.malaysia



Belajar tanpa bosan

SISTEM pendidikan negara perlu berada pada landasan tepat seiring perubahan agar pelajar tidak ketinggalan dalam menimba ilmu.

Pencapaian universiti tempatan mula diiktiraf oleh beberapa buah negara sejak beberapa tahun lalu apabila ranking pendidikan negara dan pencapaian universiti tempatan meningkat saban tahun.

Malah pada ketika itu banyak institut terkenal dunia seperti Universiti

Oleh AQILAH MIOR
KAMARULBAID
aqilah.mks@gmail.com



Cambridge dan penyedia dana penyelidikan, Newton Fund mau bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan.

Sehingga kini, usaha tersebut diteruskan termasuk oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) yang berjaya mewujudkan Putra Future Class (PFC).

Seiring dengan era

Revolusi Industri 4.0 dan gagasan Pendidikan 4.0, PFC berfungsi sebagai pusat rujukan prototaip bilik darjah atau kuliah masa depan yang menggunakan amalan terbaik mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran dan pengajaran.

Selain itu, PFC turut berperanan sebagai pad pelancaran teknologi dan sampel ujian atau bilik kuliah abad ke-21 yang akan sentiasa mengalami perubahan selaras dengan matlamat melahirkan generasi pelajar Utul Albab yang *future proof*, teguh jati

diri dan pekerti unggul.

PFC menggunakan pendekatan pembelajaran dan pengajaran terkini yang interaktif, teradun dan mengambil peluang aplikasi teknologi canggih mudah alih seperti perkomputeran awanan (*cloud*), realiti maya (VR) dan *augmented reality* (AR), Internet Kebenduan (IoT), analisis data dan kecerdasan buatan (AI) serta pelbagai lagi dengan berpandukan kepada teras falsafah pendidikan yang menjadi akar dan dasar kepada setiap perancangan

PFC.

Kurikulum PFC juga direka untuk lebih mudah disesuaikan berdasarkan kerangka pendidikan yang mengambil kira aspek ekosistem kondusif, psikologi pembelajaran, interaksi ruang dan masa, aplikasi teknologi serta beberapa nilai insaniah.

Inisiatif tersebut akan menjadi pusat rujukan amalan terbaik pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi semua pihak di UPM, dalam dan luar negara.

24 MEGA SAINS

UTUSAN MALAYSIA • RABU 17 APRIL 2019

“

PFC merupakan salah satu inisiatif Kampus Pintar yang mampu meligatkan lagi ekosistem pembelajaran dan pengajaran agar lebih menyeronokkan...”

CADANGAN mewujudkan kelas masa depan, Putra Future Classroom (PFC) bermula sejak 2017 ketika perutusan tahun baru Naib Canselor UPM.

PFC dilengkap dengan teknologi terkini yang diperlukan dalam memperkasakan ekosistem pengajaran dan pembelajaran semasa.

Naib Canselor UPM, Prof. Datin Paduka Datuk Aini Ideris berkata, kelas masa depan tersebut menjadi perintis makmal pengajaran mikro berintegrasikan teknologi terkini dalam kalangan universiti awam seluruh negara.

Tambahnya, sejak diisytiharkan pada 24 Februari 2017, PFC menjadi pusat rujukan pelbagai institusi pendidikan daripada pelbagai latar belakang.

“Selain menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik dan Beksibel, ia turut membentulkan kelainan dalam ekosistem pembelajaran di fakulti berbanding sebelumnya adanya kelas ini.”

“Selain itu, PFC juga menjadi pusat latihan, inkubator penghasilan bahan pembelajaran atas talian serta menjadi pencetus inovasi integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran,” ujarnya, “katanya berucap pada pelancaran PFC baru-baru ini.

Beliau dalam pada itu



PENSYARAH Fakulti Pendidikan UPM, Prof. Madya Dr. Habibah Ab Jalli (kanan) memberi penerangan mengenai teknologi kawalan dalam bilik darjah melibatkan suhu, cahaya dan kedatangan kepada Dr. Maszlee Malik selepas majlis merasmikan Putra Future Classroom di Serdang.

Cipta ruang baharu dalam pembelajaran

berharap aktiviti pembelajaran, pengajaran, penyelidikan jaringan Industri dan masyarakat serta pembangunan pelajar menerusi PFC dapat merenaka amalan terbaik seperti budaya ilmu yang menjadi legasi tamadun hebat di santerero dunia.

PFC merupakan salah satu inisiatif Kampus Pintar yang mampu meligatkan lagi ekosistem pembelajaran dan pengajaran agar lebih menyeronokkan untuk pelajar dan seluruh warga kampus.

“Sehingga kini UPM berjaya menghasilkan 150 inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bentuk pembelajaran imersif seperti VR dan AR, aplikasi simulasi, pembelajaran berdasarkan permainan, simulasi dan aplikasi mobil,” jelasnya.



PENGUNAAN gajet memberi wajah baharu kepada bidang pendidikan supaya lebih menyeronokkan. -Gambar Hasan

INFO

PFC berkonsepkan platform untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan dan latihan berpandukan kriteria seperti:-

- Mewujudkan wacana dan interaksi ilmu yang menyeronokkan.
- Penerapan ilmu melalui pengalaman yang mencetuskan kreativiti dan inovatif dalam diri pelajar.
- Keupayaan pelajar untuk menyelesaikan masalah dan responsif kepada persekitaran.
- Integrasi antara pembelajaran secara individu

Mahu lebih banyak inovasi pendidikan

DALAM perkembangan sama, Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik memberitahu bahawa kementerian sedia bekerjasama dengan mana-mana pihak yang

meriyedikan aplikasi pendidikan secara percuma untuk meningkatkan penguasaan dalam subjek Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Matematik.

“Saya menyeru kepada

mana-mana pihak yang boleh mereka aplikasi yang boleh diakses secara percuma, mesra pengguna, mudah dan menyeronokkan pengguna untuk pembelajaran Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan

Matematik agar ia menjadi pendemokrasian ilmu.

“Kementerian akan menyokong sesiapa yang boleh membangunkan aplikasi yang boleh diakses secara percuma kerana kita percaya

pendidikan adalah untuk semua.

“Dalam masa sama kementerian akan menyokong sebarang usaha seperti ini dan bantu untuk promosikannya,” ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA • RABU 17 APRIL 2019

Inovasi baharu dalam pendidikan

KEJAYAAN UPM dalam mewujudkan Putra Future Classroom (PFC) wajar menjadi contoh kepada universiti lain dalam turut mengamalkan cara pembelajaran yang lebih menyeluruh, moden dan tidak membosankan.

Kewujudan PFC juga selari dengan inisiatif kerajaan untuk mencipta ruang pembelajaran dan pengajaran yang tidak berorientasikan peperiksaan semata-mata.

Idea mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih menyeronokkan itu bagi menyambur seruan Kementerian Pendidikan dalam membawa semula keseronokan menimba ilmu melalui pelbagai inovasi.

Jika sebelum ini pelajar perlu berdepan dengan konsep pendidikan berteraskan peperiksaan yang “menghantui”, kini mereka akan lebih gembira dengan teknik pembelajaran melalui inovasi baharu dalam kelas.

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik berkata, UPM melalui Fakulti Pengajaran Pendidikan telah menunjukkan inovasi berkaitan pendidikan

untuk masa depan.

“Kementerian mengalu-alukan sebarang inovasi seperti ini dalam bidang pendidikan dan menyeru lebih ramai lagi ahli akademik, pengkaji, siswa dan siswi untuk menerokai ruang inovasi dalam pendidikan seperti mana ditunjukkan PFC.

“Kita yakin lebih banyak ciptaan diterokai oleh universiti dan dalam masa sama turut menggalakkan universiti menjalin kerjasama bersama agensi di bawah Kementerian Pendidikan seperti sekolah, prasekolah, politeknik, vokasional dan maktab perguruan.

“Kerjasama pintar ini akan lebih melestarikan pendidikan digital dan sekali gus menjadikan teknologi sebagai tunggak pendidikan,” katanya.

PFC yang diwujudkan memberi kelebihan buat warga UPM dan luar untuk mempelajari ilmu melalui teknologi sedia ada.

Malah, selain mempelajarinya di UPM, protaip ini akan dibawa ke sekolah atau universiti lain untuk diperkenalkan kepada masyarakat.



DR. MASZLEE MALIK melakukan gimik perasmian Putra Future Classroom di Universiti Putra Malaysia, Serdang.